

Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengatur strategi untuk capai aspirasi Menjadi institusi cemerlang negara

Oleh SAHAR BURAERA
saharboyz@yahoo.com.my

SELARAS tema 'Pengajian Tinggi Ke Arah Transformasi Negara' kedudukan dan pencapaian universiti akan diukur berdasarkan konsep 3R, iaitu Relevant (relevan), Referred (dirujuk) dan Respected (dihormati).
Sehubungan itu, Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengatur strategi dan

setiap seorang daripada ahli akademik. Jika terdapat ahli akademik yang tidak cinta pada ilmu, mereka bukanlah ahli akademik sejati, tetapi ibarat 'bunga kembang tak jadi'.

"Seorang ahli akademik juga sepatutnya tidak takut untuk bersuara dan mengemukakan pandangan dan hujah-hujah kritis. Ahli akademik tidak harus menjadi 'katak di dalam kaca' yang hanya melompat-lompat dan

kualiti yang dikelolakan oleh Agensi Kelayakan Malaysia, (MQA) iaitu Sistem Penarafan Institut Pengajian Tinggi (SETARA) yang sememangnya akan diteruskan.

Bagi SETARA 2011, selain mengekalkan kriteria pengajaran dan pembelajaran, ukuran terhadap kualiti bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan sesebuah institusi turut akan diambil



HORMAT...Kamaruzaman bersama barisan pemimpin UMS berdiri tegak menyanyikan lagu Negaraku.

“Seorang ahli akademik juga sepatutnya tidak takut untuk bersuara dan mengemukakan pandangan dan hujah-hujah kritis. Ahli akademik tidak harus menjadi 'katak di dalam kaca' yang hanya melompat-lompat dan melihat segala masalah yang berlaku di persekitarannya, tetapi tidak mampu berbuat apa-apa.”

BRIG. JEN. PROF. DATUK SERI PANGLIMA DR. KAMARUZAMAN HAJI AMPON
Naib Canselor UMS



serta daya saing, program-program yang ditawarkan dalam bidang utama ini berada pada tahap yang sepatutnya.

Pemantapan kualiti juga, dihubungkan dengan pemantapan prasarana yang disediakan, kepada kakitangan dan pelajar, ketika ini projek pembangunan fasa kedua UMS dan penambahbaikan prasarana di kampus induk, berjalan dengan lancar.

Segala fasiliti, termasuklah kolej kediaman, telah ditingkatkan demi keselesaan

kerjasama dan kolaborasi penyelidikan dengan Gwangju Institute of Science & Technology (GIST) dalam penyelidikan berasaskan Sains dan Teknologi, Royal Agriculture College, London dalam bidang pertanian, Wollongong University dalam bidang hubungan industri, Universidad Nacional Autonoma de Mexico dalam bidang vertebrata.

Di sebalik kejayaan tahun lepas, UMS turut menyusun strategi sendiri untuk

Aeroangkasa.

Agenda seterusnya iaitu Meningkatkan Potensi dan Kebolehpasaran Pelajar, sebagai sebuah institusi yang melahirkan modal insan ini dan memiliki pusat bahasa dan ketrampilan ilmu, UMS prihatin dan memandang serius tentang hal ini.

Bagi mempertingkatkan kualiti dan potensi diri pelajar UMS melalui Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) mempertingkatkan kualiti pengajaran bahasa dan ilmu-ilmu

dilaksanakan oleh kerajaan pada tahun ini.

Satu lagi aspek yang penting dalam hubungan industri akademik dan peningkatan kemahiran pelajar ialah dalam bidang keusahawanan. Pendedahan dalam bidang keusahawanan merupakan satu proses pembelajaran yang dapat membuka ruang kepada pelajar kita supaya menjadi lebih kreatif, inovatif dan berdaya saing.

Aktiviti pengucapan awam dalam pelbagai bahasa wajar dijadikan acara wajib dan dimasukkan dalam takwim aktiviti pelajar dan tidak boleh diharapkan pasukan debat semata-mata sebagai wadah untuk pelajar menjadi individu yang trampil berucap di khalayak ramai.

Melalui agenda kelima, Meningkatkan Kualiti Diri dan Kualiti Kerja, sistem tadbir urus jabatan dan sekolah juga harus diperkemaskan, dirancang dengan sempurna serta didokumentasikan dengan betul.

Semua sekolah dan jabatan yang melaksanakan amalan '5S' wajar mencontohi kejayaan Sekolah Perubatan yang telah menerima sijil '5S' pada penghujung tahun lalu.

Amalan '5S' sangat berguna untuk persekitaran kerja secara keseluruhan. Kecekapan kerja, kelesasan, keceriaan, kebersihan, keseragaman dan keselamatan bukan sahaja mampu dilaksanakan, tetapi ia juga dapat memenuhi piagam pelanggan, yang telah kita janjikan kepada orang ramai.

Bagi melicinkan tadbir urus, UMS juga telah melangkah ke arah penggunaan atas talian (online) dan nampaknya ia telah memudahkan urusan ramai orang.

Unit Multimedia (UMTP) giat memperbaiki, memantapkan dan mengawal selia sistem berkenaan secara tegar dan berterusan. Masalah pendaftaran atau pengisian borang SKT atau sebarang borang yang perlu diisi secara dalam talian tidak wajar mengalami kebuntuan disebabkan ketidakcekapan tadbir urus ini.

terlibat secara langsung bagi mencapai aspirasi menjadikan institusi itu sebagai salah satu tonggak dan nadi kepada kemajuan dan kecemerlangan negara.

Berasaskan mauduk 'Memperkasakan Usaha, Mempersatukan Matlamat', Naib Canselornya, Brig. Jen. Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Kamaruzaman Haji Ampon dalam menyampaikan amanatnya baru-barunya ini menggariskan lima agenda sebagai asas dan sokongan untuk menyahut cabaran itu.

Antara agenda yang bakal dilaksanakan termasuklah, meletakkan ahli akademik pada kedudukan sebenar, pemertabatan dan meningkatkan keupayaan universiti, membudayakan penyelidikan dan inovasi berkualiti, meningkatkan potensi dan kebolehpasaran pelajar, meningkatkan kualiti diri dan kualiti kerja berpasukan.

Bagi agenda pertama iaitu meletakkan ahli akademik pada kedudukan sebenar, beliau berkata, kehadiran tenaga pengajar yang berkualiti, mampu melahirkan modal insan yang inovatif, kreatif dan berpengetahuan tinggi.

Di bahu para ahli akademik katanya, terletak harapan dan semangat bangsa untuk memacu kecemerlangan negara. Ahli akademik wajar mengemblem ilmu, kepakaran dan tenaga demi merealisasikan hasrat kerajaan.

Tambahnya, amalan cinta kepada ilmu perlu disematkan dalam diri

melihat segala masalah yang berlaku di persekitarannya, tetapi tidak mampu berbuat apa-apa," katanya.

Sebagai sebuah organisasi yang berteraskan pendidikan, beliau menjelaskan, universiti menjadi mandala, yang mana semua idea dan pemikiran dapat diperdebatkan secara ilmiah dan terbuka, proses penyuburan ilmu yang berterusan dan tidak disekat, membuka ruang kepada perkembangan idealisme positif.

Bagi tujuan melahirkan lebih ramai kakitangan akademik, UMS pada asasnya sentiasa dalam rangka merekrut tenaga baru dan menghantar mereka mendapatkan pendidikan di peringkat doktor falsafah (PhD).

"Pada masa kini kita memiliki seramai 286 kakitangan berkelulusan PhD dalam bidang masing-masing, iaitu 34 peratus daripada jumlah kakitangan akademik UMS," jelasnya.

Seterusnya melalui agenda kedua iaitu Pemertabatan dan Meningkatkan Keupayaan Universiti katanya, pembudayaan dan penerapan, pengamalan nilai dan elemen kualiti dalam sektor pengajian tinggi menjadi tunjang kepada semua institusi ilmu.

Ia menjadi tunjang penting untuk UMS untuk kekal berdaya saing dan terus relevan dengan perkembangan semasa. UMS juga melakukan pelbagai pengorbanan dan bukan sedikit masa terbuang, demi memastikan pelaksanaan sistem pengukuran

kira.

Penilaian ini selaras dengan perkembangan serta kehendak semasa sektor pengajian tinggi yang mana sesebuah universiti tidak hanya diharap untuk mampu melahirkan graduan berkualiti dan memenuhi keperluan pasaran.

Kementerian Pelajaran Tinggi (KPT) juga menggariskan pendekatan baru untuk membuat ukuran kualiti berdasarkan kepada 'Discipline Based Rating' (Ukuran Berdasarkan Disiplin).

Melalui instrumen D'SETARA, beberapa kluster bidang pengajian telah pun dikenalpasti, iaitu selaras dengan kluster Aktiviti Ekonomi Utama Nasional atau NKEA seperti Pengajian Perbankan dan Kewangan Islam; Pengajian Sains Kesihatan; Pengajian Kejuruteraan Lanjutan; Sains dan Inovasi; serta Pengajian Pelancongan dan Hospitaliti.

UMS memiliki program Pengajian Kejuruteraan Lanjutan, Pengajian Perbankan dan Kewangan Islam serta Pengajian Pelancongan dan Hospitaliti, institusi itu memiliki potensi besar untuk menyerlah dan berkembang selaras dengan pelaksanaan D'SETARA oleh KPT.

Pengenalan D'SETARA mampu menonjolkan lagi kekuatan bidang keutamaan (niche area) UMS. Sehubungan itu, sebagai menyahut cabaran KPT itu, UMS wajar untuk memastikan tahap kualiti



IRING...Selepas menyampaikan amanat, Kamaruzaman diiringi timbalannya Prof. Dr. Kasim Mansur keluar dewan.

pelajar dan masalah air yang selama ini membelenggu fikiran mahasiswa di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) berjaya diselesaikan.

Bagi agenda ketiga, Membudayakan Penyelidikan dan Inovasi Berkualiti, UMS yang terletak di tengah-tengah nusantara dan kepulauan Borneo, memiliki kepelbagaian sumber yang belum diteroka.

Ketrampilan sebagai salah satu institusi yang menggariskan kepelbagaian etnik, dan memanipulasikan kepelbagaian sumber-sumber yang ada di Borneo sebagai bidang keutamaan, menjadikan UMS sebagai satu universiti yang sentiasa menjadi rujukan dan dihormati bukan sahaja di dalam dan luar negara.

Bagi memantapkan penyelidikan dan memastikan UMS sentiasa relevan dan dirujuk, UMS menjalinkan rangkaian antarabangsa dan global, serta menjalinkan

meningkatkan perolehan geran bukan hanya dari sumber kerajaan, malahan melalui penyelidikan kontrak dengan meningkatkan promosi jalinan kerjasama dengan pihak industri yang berpotensi tinggi dan komited untuk membangunkan hasil penyelidikan UMS.

UMS juga menggariskan tujuh platform penyelidikan berimpak tinggi yang didasarkan oleh KPT iaitu pemanasan global, penyakit berjangkit, perubahan tropika, keselamatan tenaga dan air, kecukupan makanan, pembuatan termaju dan tambah nilai serta ICT.

Selain itu, kluster penyelidikan-penyelidikan utama yang dapat memenuhi tuntutan dan aspirasi negara yang berkaitan dengan 12 bidang NKEA, seperti Nanoteknologi, Kitar Semula Tenaga, ICT, dan

kemahiran insaniah yang lain selain daripada kemahiran berbahasa Melayu, pelajar juga diharap mampu menguasai sekurang-kurangnya dua bahasa lain.

Selain itu, UMS sentiasa memastikan dan mengkaji keberkesanan kurikulum secara berterusan dan relevan dengan kehendak industri yang mampu melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang dapat mencetuskan kekuatan berfikir dan seterusnya melahirkan minda yang kreatif, inovatif dan berkesan dalam kalangan pelajar-pelajar.

Proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan juga perlulah menekankan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi moden selaras dengan pelancaran Dasar e-Learning yang akan



SERAGAM...Antara Unit Beruniform yang turut hadir pada majlis penyampaian amanat itu.



PALAPES...Pelajar yang mewakili unit Palapes tidak melepaskan peluang hadir ke majlis itu.